

# KHUTBAH AIDILFITRI

1446 HIJRAH / 2025 MASIHI

• خطبة عيد الفطري



# KHUTBAH AIDILFITRI 1446 H TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

## KHUTBAH PERTAMA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ وِثْرٌ مِنَ الدَّلِّ وَكَبْرُهُ  
تَكْبِيرًا.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، الْبَدْرُ الدَّجِي وَالسِّرَاجُ الْمُنِيرُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ نَبِيِّ الرَّحْمَةِ، وَشَفِّعِ الْأُمَّةَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ  
وَنَصَرَهُ وَوَالَاهُ، أَمَّا بَعْدُ.

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مِمَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ  
خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾ وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ نَسُوا اللَّهَ فَأَنْسَاهُمْ أَنْفُسَهُمْ أُولَئِكَ هُمُ  
الْفٰلْسِقُونَ ﴿١٩﴾﴾

*“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah, dan perhatikan setiap apa yang telah diperbuat untuk hari esok (Hari Kiamat), dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya, Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan. (18) Janganlah menjadi seperti mereka yang melupakan Allah, lalu Allah menjadikan mereka lupa untuk beramal bagi diri mereka sendiri. Mereka itulah orang-orang yang fasiq. (19)” [Surah al-Hashr: 18-19]*

Wahai Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah!

Hari ini kita menyambut hari raya yang diberkati Allah bersempena dengan menunaikan ibadah puasa Ramadan daripada rukun Islam, bertujuan ibadah kepada Allah dan mentarbiah diri dengan sifat taqwa (taat kepada Allah, beramal dengan perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya) dengan niat yang ikhlas kepada-Nya sahaja, di samping perjalanan hidup kita, sehingga kita meninggal dunia kerana kembali semula Allah yang menjadikan seluruh alam, termasuk diri kita dengan menyatakan syukur kepada-Nya sehingga mendapat keredaan-Nya.

Firman Allah SWT:

﴿أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ﴾

*“Adakah kamu mengira Kami jadikan kamu main-main sahaja? Dan ingatlah bahawa sesungguhnya kamu akan dikembalikan kepada Kami.” [Surah al-Mukminin: 115]*

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah!

Allah memilih bulan Ramadan sebagai bulan diturunkan al-Quran, kitab suci yang menjadi petunjuk kepada seluruh alam, membawa ajaran Islam yang sempurna bersama Rasulullah SAW yang mengajar serta menjadi teladan dalam beramal dengannya sepanjang hayat. Bersamanya juga terdapat janji keselamatan di dunia dan syurga di akhirat. Dalam masa yang sama, terdapat

amaran kepada mereka yang menolaknya bahawa mereka akan menerima kecelakaan di dunia dan azab neraka di akhirat.

Ibadah puasa melatih diri kita menjadi orang yang taat kepada Allah dengan sepenuhnya sehingga mencapai sifat taqwa yang menentukan harga diri dan martabat manusia di sisi Allah.

Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا  
إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾﴾

*“Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu asalnyanya daripada seorang lelaki dan perempuan, berbangsa-bangsa dan bersuku kaum, supaya kamu berkenalan (berhubungan). Sesungguhnya, yang paling mulia di sisi Allah ialah yang paling bertaqwa kepada-Nya. Sesungguhnya, Allah Maha Mengetahui dan tahu segala urusan kamu.” [Surah al-Hujurat: 13]*

Al-Quran pula dijadikan petunjuk oleh orang-orang yang mempunyai sifat taqwa.

﴿ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾﴾

*“Kitab al-Quran ini tidak syak lagi menjadi petunjuk kepada orang-orang yang bertaqwa.” [Surah al-Baqarah: 2]*

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah!

Dalam perjalanan hidup di dunia, kita diuji dengan gangguan syaitan yang diisytiharkan menjadi musuh Allah dan musuh kepada orang-orang yang beriman yang taat kepada Allah yang diberitahu kepada kita dan diberi

amaran supaya tidak terpengaruh dengan tipu daya dan godaannya. Firman Allah SWT:

﴿أَلَمْ أَعْهَدْ إِلَيْكُمْ يَا بَنِي آدَمَ أَنْ لَا تَعْبُدُوا الشَّيْطَانَ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٦٠﴾  
وَأَنْ أَعْبُدُونِي هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ ﴿٦١﴾ وَلَقَدْ أَضَلَّ مِنْكُمْ جِبِلًّا كَثِيرًا أَفَلَمْ تَكُونُوا  
تَعْقِلُونَ ﴿٦٢﴾﴾

*“Bukankah Aku telah memerintahkan kamu wahai anak Adam (manusia) supaya tidak menyembah syaitan? Sesungguhnya, dia menjadi musuh yang nyata kepada kamu. (60) Kamu hendaklah menyembah Aku (Allah). Inilah jalan yang betul. (61) Sesungguhnya, syaitan itu telah menyesatkan sebahagian daripada kamu. Apakah kamu tidak berfikir dengan akal kamu? (62)” [Surah Yasin: 60-62]*

Allah menyatakan bala tentera syaitan itu daripada makhluk jin dan manusia. Firman Allah SWT:

﴿الَّذِي يُوسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ ﴿٥﴾ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ ﴿٦﴾﴾

*“Syaitan yang melakukan waswas (godaan) ke dalam hati manusia itu. (5) Terdiri daripada kalangan makhluk jin dan manusia. (6)” [Surah al-Nas: 5-6]*

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah!

Allah telah mentakdirkan berlakunya dua peristiwa besar pada bulan Ramadan iaitu, menghadapi bala tentera syaitan yang besar cabarannya dalam peperangan Badar Kubra yang berlaku pada bulan Ramadan tahun kedua Hijrah, dan peperangan Ahzab pada bulan Syawwal tahun kelima Hijrah. Dua peperangan ini menjadi ujian besar kepada umat Islam pada zaman awalnya bersama Rasulullah SAW. Dua peperangan ini disebut oleh Allah dalam al-Quran.

Firman Allah SWT:

﴿وَلَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ بِبَدْرٍ وَأَنْتُمْ أَذِلَّةٌ فَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٢٣﴾﴾

*“Sesungguhnya Allah telah menolong kamu dalam peperangan Badar ketika kamu dipandang lemah, maka bertaqwalah kepada Allah supaya kamu menyatakan syukur kepada-Nya.” [Surah Ali ‘Imran: 123]*

Firman Allah SWT:

﴿وَلَمَّا رَأَى الْمُؤْمِنُونَ الْأَحْزَابَ قَالُوا هَذَا مَا وَعَدَنَا اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَصَدَقَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَمَا زَادَهُمْ إِلَّا إِيمَانًا وَتَسْلِيمًا ﴿٢٢﴾﴾

*“Dan apabila orang-orang yang beriman melihat bala tentera Ahzab, mereka berkata: ‘Inilah janji Allah dan Rasul-Nya (kita diuji) dan benar-benar berlaku.’ Dan tidaklah memberi apa-apa tambahan kepada mereka melainkan iman yang lebih kuat dan Islam yang lebih kukuh.” [Surah al-Ahzab: 22]*

Pada setiap takbir hari raya kita menyebut:

وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَخَدَهُ.

*“Dan Allah mengalahkan bala tentera Ahzab dengan keesaan-Nya.”*

Musyrikin dan Yahudi ialah dua kumpulan yang paling kuat dan keras menentang Islam dan penganutnya. Permusuhan terhadap Islam berpanjangan sehingga pada zaman ini.

Peperangan Badar melibatkan Musyrikin bangsa Arab daripada keluarga Rasulullah SAW. Manakala, peperangan Ahzab pula melibatkan tentera

campuran Yahudi Ahli Kitab yang mengenali Rasulullah SAW, bersama kumpulan Musyrikin Arab dan orang-orang munafiq.

Allah memberi peringatan dengan firman-Nya:

﴿... وَلَا يَزَالُونَ يُقْتِلُونَكَ حَتَّىٰ يَرُدُّوكُمَّ عَن دِينِكُمْ إِنِ اسْتَطَاعُوا وَمَن يَرْتَدِدْ  
مِنكُمْ عَن دِينِهِ ۖ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَٰئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ  
وَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢١٧﴾﴾

*“Mereka akan terus-menerus memerangi kamu sehingga mereka dapat memurtadkan kamu daripada agama kamu (Islam). Maka, sesiapa yang murtad daripada agama-Nya, lalu mati dalam keadaan kafir, maka terhapus amalannya di dunia dan akhirat, dan mereka menjadi ahli neraka yang kekal selama-lamanya.”*

**[Surah al-Baqarah: 217]**

Peperangan Badar dilancarkan oleh Musyrikin Makkah yang mengenali Rasulullah SAW dan mengetahui peribadinya yang mulia daripada dekat. Adapun peperangan Ahzab dirancang oleh Yahudi Ahli Kitab yang mengetahui Rasulullah dalam kitab mereka, bersama beberapa kumpulan musyrikin Makkah dan lain-lain.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah!

Al-Quran adalah petunjuk Allah sehingga Hari Kiamat. Allah memerintahkan kita berhubung dengan semua manusia supaya dapat mengajak mereka kepada Islam yang adil untuk semua atau berdamai dengan mereka yang tidak melampau.

Firman Allah SWT:

﴿لَا يَنْهَىٰكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتِلُوا فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُواكُم مِّن دِينِكُمْ أَنَّ  
تَبْرَهُمْ وَتُقْسَطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسَطِينَ ﴿٨﴾﴾ إِنَّمَا يَنْهَىٰكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ

قَتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُم مِّن دِيَارِكُمْ وَظَاهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَن تَوَلَّوهُمْ وَمَن يَتَوَلَّهُمْ فَأُوْلَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٩﴾

*“Allah tidak melarang kamu mengadakan hubungan dengan orang bukan Islam yang memerangi kamu kerana agama kamu dan menghalau kamu dari kampung halaman tempat tinggal kamu, bahawa kamu berlaku baik terhadap mereka dan berlaku adil kepada mereka, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. (8) Sesungguhnya, Allah melarang kamu daripada menjadikan orang-orang bukan Islam sebagai teman rapat bagi mereka yang memerangi kamu kerana agama kamu dan menghalau kamu atau menunjukkan tanda-tanda bermusuhan terhadap kamu. Bahawa kamu berwala’ (bersahabat dengan setia dan memberi kepercayaan) kepada mereka. Maka, sesiapa yang berwala’ kepada (musuh itu) mereka menjadi orang-orang yang zalim.” [Surah al-Mumtahanah: 8-9]*

Walaupun begitu, terdapat manusia yang bersedia menjadi bala tentera syaitan bagi menentang Islam. Al-Quran menunjukkan dua kumpulan musuh yang paling membenci Islam dan penganutnya. Di samping, terdapat juga golongan orang bukan Islam yang tidak bermusuhan dengan Islam.

Firman Allah SWT:

﴿لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ النَّاسِ عَدَاوَةً لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا الْيَهُودَ وَالَّذِينَ أَشْرَكُوا وَلَتَجِدَنَّ أَقْرَبَهُم مَّوَدَّةً لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا الَّذِينَ قَالُوا إِنَّا نَصْرِيَّ ذَٰلِكَ بِأَنَّ مِنْهُمْ قِسِيَسِينَ وَرُهْبَانًا وَأَنَّهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ ﴿١٤﴾﴾

*“Kamu akan dapati bahawa manusia yang paling bermusuhan terhadap orang-orang yang beriman ialah orang Yahudi dan Musyrikin, dan kamu dapati orang-orang bukan Islam yang menunjukkan kasih sayang kepada orang-orang yang beriman ialah orang-orang yang berkata: ‘Bahawa kami ialah orang-*



*orang Nasrani (Kristian), mereka daripada para paderi dan pendeta, dan mereka tidak berlaku sombong.” [Surah al-Ma’idah: 82]*

Mereka bermusuh terhadap Islam kerana kebenaran dan keadilannya. Mereka adalah bala tentera syaitan yang bertuhankan hawa nafsu semata-mata.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah!

Islam adalah petunjuk Allah yang kekal selama-lamanya. Puasa Ramadan mengajar kita supaya beramal dengan Islam, bersyukur atas kurniaan Allah yang memberi hidayah kepada kita menjadi orang-orang Islam yang beristiqamah (yang betul berpegang) kepada ajaran-Nya. Dengan itu, kita dapat kekal dalam Islam sehingga akhir hayat serta bersabar menghadapi ujian kehidupan dunia yang penuh dengan godaan syaitan.

Firman Allah SWT:

﴿وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّاكُم بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ﴾

*“Dan sesungguhnya inilah jalan-Ku yang betul lurus, maka hendaklah kamu mengikutinya. Jangan kamu mengikuti jalan-jalan yang lain, nescaya kamu berpecah belah atau berciciran terkeluar daripada jalan yang betul. Begitulah Allah memerintahkan kamu supaya sentiasa bertaqwa kepada-Nya.” [Surah al-An’am: 153]*

Rasulullah SAW mentafsirkan ayat ini dengan menggaris di atas tanah satu garisan yang betul lurus dan menggariskan cabang-cabang yang banyak di sebelah garisan yang betul itu. Baginda menegaskan bahawa di setiap cabang itu terdapat syaitan yang menggoda dan menipu manusia supaya mengikutinya.

Menunjukkan bahawa peristiwa Badar dan Ahzab berterusan sehingga kini. Cara dan pendekatannya mengikut keadaan masa dan tempat.

Pada zaman kini bukan sahaja menggunakan senjata di medan perang. Ditambah pula dengan senjata serangan diayah pemikiran dan kefahaman yang salah dan sesat. Khususnya melalui media baharu yang dibaca dan dilihat melalui Internet dan telefon.

Rasulullah SAW pernah memberi amaran melalui sabdanya:

سَيَأْتِي عَلَى النَّاسِ سَنَوَاتٌ خَدَاعَاتٌ، يُصَدِّقُ فِيهَا الْكَاذِبُ، وَيُكَذِّبُ فِيهَا  
الصَّادِقُ، وَيُؤْتَمَنُ فِيهَا الْخَائِنُ، وَيُخَوَّنُ فِيهَا الْأَمِينُ، وَيَنْطِقُ فِيهَا الرَّوَيْبِضَةُ،  
قِيلَ: وَمَا الرَّوَيْبِضَةُ؟ قَالَ: الرَّجُلُ التَّافَهُ فِي أَمْرِ الْعَامَّةِ.

*“Akan datang melanda manusia tahun-tahun yang banyak berlaku penipuan dan godaan. Sehingga pembohong dianggap benar dan orang yang benar dianggap bohong. Diberi amanah kepada pengkhianat dan dikhianati orang yang amanah. Orang yang bergelar Ruwaibidah banyak bercakap. Apabila ditanya, ‘Siapakah Ruwaibidah itu?’ Sabdanya: ‘Orang yang sangat jahil dan bodoh bercakap perkara besar (berkenaan agama dan urusan umat).’” [Riwayat Ibn Majah: 4036, dan Ahmad: 7912]*

Kita menyaksikan kini banyak kenyataan dibuat oleh orang yang jahil agama dan buta ilmu al-Quran. Mereka menulis dan membuat kenyataan menggunakan akal semata-mata.

Inilah hikmah kita mengulangi doa yang ditunjuk oleh Allah dan dibaca pada setiap rakaat solat:

﴿إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾ أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ  
عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾﴾

*“Kepada Engkau sahaja kami mengabdikan diri dan memohon pertolongan. (5) Tunjukkan kami jalan yang betul. (6) Jalan yang Engkau kurniakan nikmat. Bukan jalan mereka yang paling dimurkai dan bukan pula jalan mereka yang sesat. (7)” [Surah al-Fatihah: 5-7]*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْكَرِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّكُمْ بِالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ  
اللهَ لِي وَلَكُمْ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ وَنَصَرَهُ وَوَالَاهُ. أَمَّا بَعْدُ:

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى.

Muslimin dan Muslimat sekalian!

Marilah pada hari raya ini kita merasakan betapa besarnya ni'mat iman dan Islam yang dikurniakan kepada kita oleh Allah SWT. Dan hanya kematian dalam iman dan Islam sahaja yang diredai oleh Allah sebagaimana firman-Nya:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾﴾

*“Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan janganlah kamu mati melainkan kami dalam keadaan beragama Islam.” [Surah Ali ‘Imran: 102]*

Pada hari ini juga hendaklah kita ingat betapa besarnya ni'mat persaudaraan yang dianjurkan dalam agama. Tanda iman seseorang ialah dia kasih kepada saudara seagama dengannya sebagaimana dia kasih kepada dirinya sendiri. Sabda Rasulullah SAW:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ.

*“Tidak beriman seseorang dalam kalangan kalian sehingga dia kasih kepada saudaranya, sebagaimana kasihnya kepada dirinya sendiri.” [Riwayat al-Bukhari: 13]*

Sehubungan itu, hendaklah lahir di dalam hati setiap orang Islam perasaan sedih terhadap bala bencana dan kesusahan yang menimpa umat Islam di serata dunia, sama ada mereka yang ditimpa gempa bumi, dilanda peperangan, kemiskinan, kebuluran dan wabak penyakit. Juga terhadap umat Islam yang sedang dijajah, dizalimi dan dibunuh serta ditindas seperti yang sedang berlaku di Palestin, Iraq, Syria, China, Myanmar dan sebagainya.

Jika tidak mampu membantu mereka dengan wang ringgit dan tenaga, sekurang-kurangnya melalui doa dan munajat kepada Allah supaya Allah memberikan pertolongan kepada mereka dan membebaskan mereka daripada penderitaan dan kezaliman manusia yang dihadapi itu.

Muslimin dan Muslimat sekalian!

Pada hari yang mulia dan penuh berkat ini, marilah kita membanyakkan ucapan selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW yang telah menyampaikan Islam kepada kita setelah melalui pelbagai bentuk jihad dan pengorbanan. Tanda kasih kita kepada Baginda dirakamkan melalui ucapan selawat dan salam sebagai mematuhi perintah Allah dalam al-Quran:

﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

*“Sesungguhnya, Allah dan malaikat-Nya sentiasa berselawat ke atas Nabi, maka wahai orang-orang beriman ucapkan selawat dan salam ke atasnya dengan sungguh-sungguh.” [Surah al-Ahzab: 56]*

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ. وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَذُنُوبَ وَالِدَيْنا وَارْحَمْهُمْ كَمَا رَبَّوْنَا صِغَارًا. رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَؤُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَالتَّفَاقَ وَالْمُنَافِقِينَ، وَالظُّلْمَ وَالظَّالِمِينَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَائِنَا وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ. اللَّهُمَّ زِدَّ كَيْدَهُمْ عَلَى نُحُورِهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَشَدِّتْ كَلِمَتَهُمْ وَزَلْزِلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمَجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ، وَفِي عَزَّةَ، وَفِي الْعِرَاقِ، وَفِي سُورِيَا، وَفِي كَشْمِيرِ، وَفِي كُلِّ مَكَانٍ. اللَّهُمَّ قَوِّ عَزَائِمَهُمْ، وَاجْمَعْ كَلِمَتَهُمْ، وَثَبِّتْ أَقْدَامَهُمْ، وَانصُرْهُمْ عَلَى أَعْدَائِهِمْ.

اللَّهُمَّ آتِ أَنْفُسَنَا تَقْوَاهَا، وَزَكَّيْهَا أَنْتَ خَيْرٌ مَنْ زَكَّاهَا، أَنْتَ وَلِيِّهَا وَمَوْلَاهَا. اللَّهُمَّ أَرِنَا الْحَقَّ حَقًّا وَارزُقْنَا اتِّبَاعَهُ، وَأَرِنَا الْبَاطِلَ بَاطِلًا وَارزُقْنَا اجْتِنَابَهُ. اللَّهُمَّ أَصْلِحْ سُلْطَانَنَا، وَأَيِّمْتَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وَلَايَتَنَا فِي مَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ. رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ. رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ. وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.